

**NO. SOALAN : 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL  
[ KANGAR ]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2016**

**SOALAN :**

**YB. IR. Shaharuddin bin Ismail [ Kangar ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah langkah proaktif yang diambil Kementerian dalam memastikan kemudahan pelancongan yang terdapat di negeri Perlis bagi keselesaan pelancong terus terjaga daripada sebarang kerosakkan yang boleh mengundang bahaya terhadap keselamatan diri dan seterusnya adakah terdapat cadangan untuk jadikan Perlis sebagai sebuah negeri yang paling kompetitif dari segi kemasukkan pelancong domestik mahu pun antarabangsa.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak RM19.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11), bagi melaksanakan empat (4) projek pembangunan pelancongan di Negeri Perlis seperti berikut:

- i. Peningkatan Kemudahan Pelancongan Di Pekan Kuala Perlis (RM5.0 juta);
- ii. Pembinaan Bangunan Galeri DiRaja Baharu Di Istana Arau, Perlis (RM10.0 juta);
- iii. Menaiktaraf Taman Ular/Gazebo Sungai Batu Pahat, Perlis (RM3.5 juta); dan
- iv. Projek Pengindahan Sg Perlis - Sakura Park (RM1.0 juta).

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia bertanggungjawab dalam melaksanakan pembangunan projek yang telah diluluskan oleh pihak EPU dan membuat pemantauan sehingga pelaksanaan projek siap. Penyelenggaraan berkala akan dilaksanakan oleh pemilik projek iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Agensi Kerajaan Negeri bagi memastikan kemudahan pelancongan sentiasa terpelihara.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia juga telah merencanakan pelbagai acara, program dan aktiviti dalam usaha menarik

lebih ramai pelancong ke Negeri Perlis. Antara acara yang direncanakan adalah *Perlis Marathon*, *Rally of Perlis*, Pesta Angin Timur dan Pesta Air Kuala Perlis. Tumpuan juga diberikan kepada segmen eko-pelancongan seperti *caving* (Gua Kelam), *birding* (Bukit Keteri), *nature walk* (Wang Gunung) dan *trekking* (Gua Cenderawasih dan Denai Larian, Pengkalan Asam).

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia akan terus memperkasakan usaha dan promosi untuk meningkatkan kemudahan prasarana pelancongan yang bersesuaian di Negeri Perlis bagi memastikan produk pelancongan dapat menarik kedatangan pelancong.

Sekian, terima kasih.